

Tinjauan Makroekonomi



Pertumbuhan global akan lebih perlahan pada tahun 2023

Prospek global yang mencabar dan tidak menentu

Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2023. Beberapa faktor positif seperti pembukaan semula China, pasaran pekerja yang berdaya tahan, keadaan rantaian bekalan yang semakin reda, dan pemulihan dalam aktiviti perkhidmatan khususnya pelancongan akan menyokong pertumbuhan. Walau bagaimanapun, terdapat rintangan daripada inflasi yang tinggi dan dasar monetari yang lebih ketat berikutan sokongan daripada pembukaan semula kebanyakan ekonomi yang semakin berkurang. Episod tekanan yang dihadapi oleh sektor perbankan di beberapa ekonomi maju baru-baru ini juga dijangka sedikit sebanyak memberikan kesan negatif kepada pertumbuhan. Hal ini didorong oleh tingkah laku pemberian pinjaman yang lebih berhati-hati dalam kalangan bank.

Imbangan risiko terhadap pertumbuhan global terus cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Risiko pertumbuhan menjadi perlahan ini berpunca daripada ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan dan keadaan kewangan yang menjadi ketat secara mendadak, termasuk daripada tekanan selanjutnya dalam sektor perbankan. Sebaliknya, risiko pertumbuhan global menjadi lebih tinggi boleh berpunca daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan di ekonomi-ekonomi utama.



Ekonomi Malaysia akan kekal berdaya tahan

Pertumbuhan akan didorong oleh permintaan dalam negeri meskipun terdapat rintangan luaran

Bagi tahun 2023, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang dalam keadaan permintaan luaran yang lebih perlahan. Pertumbuhan ini akan didorong oleh permintaan dalam negeri yang disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik, aktiviti pelancongan yang lebih giat dan projek pelaburan berbilang tahun yang terus dilaksanakan. Keadaan kewangan domestik juga akan kekal kondusif untuk pengantaraan kewangan.

Risiko terhadap prospek pertumbuhan Malaysia agak seimbang. Risiko pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutamanya daripada faktor-faktor dalam negeri seperti aktiviti pelancongan yang lebih kukuh daripada jangkaan serta pelaksanaan projek termasuk projek yang dinyatakan dalam pembentangan semula Belanjawan 2023. Sementara itu, risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan dan keadaan pasaran global yang semakin tidak menentu.

Tinjauan Makroekonomi



Inflasi keseluruhan dan inflasi teras akan menurun pada tahun 2023

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka menurun sepanjang tahun 2023 meskipun inflasi teras akan kekal tinggi

Bagi tahun 2023, inflasi keseluruhan dan inflasi teras diunjurkan menurun sepanjang tahun namun kekal tinggi pada purata antara 2.8% hingga 3.8%. Tahap inflasi yang sederhana ini sebahagian besarnya disebabkan oleh faktor-faktor kos global yang lebih rendah berikutan gangguan rantai bekalan yang semakin berkurang dan harga komoditi yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, inflasi teras akan kekal pada paras tinggi disebabkan oleh keadaan permintaan yang kukuh. Tekanan inflasi yang meningkat dijangka terus dibendung sebahagiannya oleh dasar dalam negeri yang sedia ada mengenai kawalan harga dan subsidi bahan api. Imbangan risiko terhadap prospek inflasi cenderung ke arah inflasi menjadi lebih tinggi kerana masih tertakluk pada perubahan pada langkah-langkah dasar dalam negeri mengenai harga barangan yang ditadbir serta perkembangan pasaran kewangan dan harga komoditi global.

Bahagian ini sengaja dibiarkan kosong